

NO. SOALAN : 385

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [BATU PAHAT] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan tindakan luar biasa menangani kenaikan harga barang dalam keadaan pendapatan rakyat tidak meningkat dan kos sara hidup rakyat semakin meningkat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil Kementerian adalah:

- i. Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** melalui penguatkuasaan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016** untuk mengawal pengambilan keuntungan yang tinggi secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. Menguatkuasakan tindakan tegas melalui pengeluaran **Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas peniaga yang didapati menaikkan harga bagi mendapatkan penjelasan dan justifikasi kenaikan harga yang tidak munasabah;
- iii. Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- iv. Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;

- v. Meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika; dan
- vi. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha Kementerian untuk menyelesaikan aduan pengguna melalui tindakan yang cepat dan pantas;

Di samping kehadiran pegawai penguatkuasa, Kementerian turut memperkukuhkan pemantauan harga dan mengadakan jalinan kerjasama bersama pelbagai pihak, antaranya:

- i. menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas** termasuk barangan makanan/minuman sedia masak **di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga**;
- ii. mewujudkan ***Friends of KPDNKK*** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan berkerjasama dengan pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat khususnya mengenai isu harga barang; dan
- iii. mengadakan jalinan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain iaitu penglibatan **penghulu dan pegawai** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan di premis perniagaan kepada Kementerian; dan
- iv. menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Usaha-usaha ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan harga barangan makanan di pasaran berada pada paras yang berpatutan demi kesejahteraan pengguna.

RT25/386

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**  
**DARIPADA [BATU PAHAT]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes murid buli murid dan kes murid buli guru. Kenapa kes-kes ini berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menyekat perkembangan gejala ini dan setakat mana keberkesanannya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peratusan murid terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsia Diri Murid bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah terkawal dengan trend yang menurun iaitu 0.08 peratus kepada 0.06 peratus. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut. Setakat ini, tiada kes murid buli guru yang dilaporkan. Antara faktor berlaku salah laku disiplin termasuk kes buli dalam kalangan murid ialah faktor keluarga, individu, pengaruh media, iklim sekolah dan persekitaran.

Walaupun kes buli di sekolah secara relatifnya sangat kecil, namun KPM tidak pernah memandang ringan. Ingin tegaskan bahawa kes-kes yang terlibat telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah

mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak dahulu, KPM serius menangani buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis. Peranan ibu bapa di peringkat sekolah dipertingkatkan melalui program Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti di peringkat sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah juga telah diarahkan menubuhkan Jawatankuasa Taskforce Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta di semua peringkat.

RT25/386

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTA JAM ]**

**SOALAN : 387**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1990 sehingga 2016 serta kerugian/keuntungan perkhidmatan feri dalam tempoh yang sama.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan pada tahun 1993 kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD). Pada 21 November 2013, satu Perjanjian Penswastan Tambahan ditandatangani di antara Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. (SPT) dan Kerajaan selepas MKD menjual ekuiti PPSB kepada SPT. Tempoh konsesi SPT adalah selama 30 tahun.

Perincian bagi keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1990 sehingga 2016 adalah sepertimana di **Jadual 1**. Manakala perincian kerugian/keuntungan perkhidmatan feri dari tahun 2002 sehingga 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.



**Jadual 1: Keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang  
(1990 sehingga 2016)**

| TAHUN    | JUMLAH KEUNTUNGAN<br>(RM JUTA) |
|----------|--------------------------------|
| 1990     | 26.38                          |
| 1991     | 28.97                          |
| 1992     | 37.16                          |
| 1993*    | 24.14                          |
| 1994     | 41.48                          |
| 1995     | 32.12                          |
| 1996     | 22.03                          |
| 1997     | 22.85                          |
| 1998     | (8.17)                         |
| 1999     | 30.07                          |
| 2000     | 31.95                          |
| 2001     | 27.57                          |
| 2002     | 15.05                          |
| 2003     | 16.31                          |
| 2004     | 19.43                          |
| 2005     | 7.67                           |
| 2006     | 12.68                          |
| 2007     | 28.60                          |
| 2008     | 6.07                           |
| 2009**   | 6.36                           |
| 2010     | 11.11                          |
| 2011     | 0.18                           |
| 2012     | (15.83)                        |
| 2013***  | (9.12)                         |
| 2014**** | 0.85                           |
| 2015     | 11.33                          |
| 2016     | 16.45                          |

1993\* - Penswastan operasi Pelabuhan Pulau Pinang pada 31 Disember 1993.

2009\*\* - Pembukaan lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang.

2013\*\*\* - Penswastan SPPP: PPSB diambil alih oleh Seaport Terminal pada 21 November 2013.

2014\*\*\*\*- Pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Nota - Pelabuhan Pulau Pinang mengalami kerugian pada tahun 1998, 2012 dan 2013.

**Jadual 2: Keuntungan dan Kerugian Perkhidmatan Feri Pulau Pinang (2002 sehingga 2016)**

| <b>TAHUN</b> | <b>JUMLAH<br/>PENDAPATAN<br/>(RM JUTA)</b> | <b>JUMLAH<br/>PERBELANJAAN<br/>(RM JUTA)</b> | <b>JUMLAH<br/>KERUGIAN<br/>(RM JUTA)</b> |
|--------------|--|--|--|
| 2002         | 14.3                                       | 28.5   | (14.2)                                   |
| 2003         | 15.4                                       | 28.2   | (12.8)                                   |
| 2004         | 15.4                                       | 27.9   | (12.5)                                   |
| 2005         | 16.9                                       | 30.2   | (13.3)                                   |
| 2006         | 18.2                                       | 29.9   | (11.7)                                   |
| 2007         | 17.4                                       | 32.2   | (14.8)                                   |
| 2008         | 17.2                                       | 43.1   | (25.9)                                   |
| 2009*        | 16.5                                       | 34.0   | (17.5)                                   |
| 2010         | 14.2                                       | 34.4   | (20.2)                                   |
| 2011         | 12.9                                       | 33.1   | (20.2)                                   |
| 2012         | 11.7                                       | 33.6   | (21.9)                                   |
| 2013**       | 11.3                                       | 34.7   | (23.4)                                   |
| 2014***      | 10.4                                       | 34.0   | (20.4)                                   |
| 2015         | 10.2                                       | 33.2   | (23.0)                                   |
| 2016         | 8.1  | 35.2   | (27.0)                                   |

2009\* - Pembukaan lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang.

2013\*\* - Penswastaaan SPPP: PPSB diambil alih oleh Seaport Terminal pada 21 November 2013.

2014\*\*\* - Pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.